



YB. SOON LIP CHEE

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang
Belia Dan Sukan

**KENYATAAN MEDIA YB SOON LIP CHEE, EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI
PULAU PINANG
PADA 12 JANUARI 2021**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil maklum akan pengumuman pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri Pulau Pinang oleh Perdana Menteri pada 11 Januari 2021. Pelaksanaan PKP ini adalah bermula dari 13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyambut baik pemakluman rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dimana:

- Aktiviti joging adalah **DIBENARKAN** dalam kumpulan tidak melebihi 2 orang di kawasan kejiranan sahaja; dan
- Aktiviti berbasikal (*cycling*) berkumpulan **TIDAK DIBENARKAN**. Namun, aktiviti berbasikal secara berseorangan adalah **DIBENARKAN** di kawasan kejiranan sahaja.

Berpandukan pengumuman ini, adalah dimaklumkan bahawa perkara berkaitan aktiviti sosial termasuklah sukan berkumpulan adalah **TIDAK DIBENARKAN** di negeri Pulau Pinang dimana:

- Semua aktiviti sukan dan riadah kecuali kelonggaran aktiviti joging dan berbasikal seperti yang dinyatakan di dalam SOP Am PKP yang dikeluarkan oleh pihak MKN;
- Aktiviti penganjuran kejohanan / pertandingan;
- Aktiviti sukan dan rekreasi yang melibatkan penglibatan yang ramai dan sukar dikawal penjarakan fizikal; dan
- Acara dan pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negara adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

Dalam pada itu, taman-taman rekreasi di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai) seperti Taman Bandaraya (*Youth Park*) dan Taman Metropolitan, Taman Botani di bawah seliaan Jabatan Taman Botani Pulau Pinang serta Empangan Mengkuang, Empangan Telok Bahang, Empangan Air Itam dan Taman Bukit Dumar di bawah seliaan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang adalah dibenarkan pembukaannya kepada individu untuk aktiviti sukan dan rekreasi yang dibenarkan secara berseorangan dari 7 pagi hingga 7 malam.

Namun, *Vision Park* dan Taman Bandar Ampang Jajar di bawah seliaan MBSP akan kekal ditutup.

Walaupun bagaimanapun, orang awam adalah dinasihatkan untuk mematuhi SOP dengan hanya berjoging atau berbasikal dengan menjaga penjarakan sosial sebanyak 2 meter di dalam kawasan kejiranan yang tidak melebihi 10 km dari tempat kediaman masing-masing.

Semua kemudahan sukan dan rekreasi di bawah pengurusan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang akan **DITUTUP** sepanjang tempoh PKP. Ini termasuklah:

- Gimnasium MSNPP, Batu Uban
- Dewan Gimnastik & Gimrama, Batu Uban
- Dewan Silat, Batu Uban
- Pusat Kegiatan Sukan Air, Tanjung Bungah
- Kompleks Sukan Titi Mukim, Telok Air Tawar
- Wisma Angkat Berat, Bukit Mertajam

Keputusan untuk mematuhi SOP terutamanya dalam aktiviti sukan dan rekreasi yang ditetapkan oleh MKN menunjukkan komitmen tinggi kerajaan negeri untuk mengekang penularan wabak Covid-19 dalam kalangan masyarakat negeri Pulau Pinang. Individu-individu juga disarankan untuk mematuhi SOP yang ditetapkan dengan penuh disiplin semasa menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi yang dibenarkan dalam tempoh PKP bagi membantu memutuskan rantaian penularan pandemik Covid-19 ini.

SOON LIP CHEE

EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG